

05/12/1999

Dua Adun dakwa tidak dipengaruhi `broker kuasa'

BUTTERWORTH: Keputusan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang untuk keluar dari Gerakan, baru-baru ini tidak dipengaruhi oleh mana-mana broker kuasa seperti yang didakwa presiden parti itu.

Dalam satu kenyataan bersama Adun Bayan Lepas, Lim Chien Aun dan Adun Datuk Keramat, Lim Boo Chang, berpendapat kenyataan Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik adalah salah.

Menurut mereka, keputusan untuk keluar dari parti hanya dibuat pada jam 3.30 petang, 2 Disember lalu dan bukan satu tindakan yang dirancang sebelum pilihan raya umum.

"Keputusan untuk keluar dari Gerakan adalah semata-mata berpunca daripada kepemimpinan negeri yang gagal membawa pembangunan berkesan di Pulau Pinang dan langkah yang diambil sebagai usaha untuk membawa perubahan di negeri ini," kata mereka.

Selain kedua-dua Adun berkenaan, Naib Presiden Gerakan, Dr Goh Cheng Teik turut mengumumkan untuk keluar dari parti berkenaan semalam bagi menyokong tindakan Chien Aun dan Boo Chang.

Malahan, menurut mereka, dakwaan bahawa mereka membelakangkan parti dan Barisan Nasional (BN) juga tidak benar kerana mereka sentiasa menyokong BN sepanjang tempoh berkempen dalam pilihan raya lalu.

"Kemenangan yang dicapai nyata sekali berikutan sokongan rakyat terhadap dasar BN yang diterajui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagaimanapun ada di kalangan rakyat yang tampil menyuarakan pendapat mengenai pencapaian buruk Pulau Pinang di bawah kepemimpinan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon," kata mereka.

Menurut mereka mandat yang diberi pengundi tidak akan disia-siakan dengan mengambil tindakan keluar dari BN, sebaliknya mereka akan meneruskan usaha untuk berkhidmat kepada masyarakat di kawasan masing-masing.

(END)